

BAB 3

IMEJ DIRI FIZIKAL WANITA

Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan imej diri fizikal wanita Melayu. Penampilan fizikal, iaitu gambaran lahiriah seseorang wanita meliputi aspek bentuk badan, pakaian dan perhiasan diri. Imej diri fizikal ini dapat memancarkan personaliti dan identiti selain menonjolkan kejelitaan di samping memberi gambaran tahap yakin diri wanita. Lantaran itu, lahiriah pelbagai fesyen pakaian, tudung, kasut, tas tangan, peralatan "*make-up*" serta aksesori, seperti kerongsang dan barangan kemas, yang tujuannya bagi golongan wanita membina personaliti tersendiri berdasarkan kepada pilihan serta kemahuan mereka

Bentuk Badan

Berdasarkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bentuk dan saiz badan ideal diukur melalui piawaian indeks tubuh badan atau *body mass index* (*BMI*). Melalui kaedah ini berat badan diukur berdasarkan pembahagian berat badan (kg) dengan ketinggian (m) x

ketinggian (m).(Craddock, 1973 : 3) Misalnya seorang yang beratnya 50 kg dan tinggi 1.54 meter, dikira sebagai ;

Kaedah BMI :

$$\frac{50 \text{ kg}}{1.54 (\text{ m }) \times 1.54 (\text{ m })} = 21.1$$

(maka orang ini tergolong dalam kategori ideal)

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menakrifkan hasil BMI yang berada di antara 20-24.9 dikategorikan sebagai ideal dan sihat, lebih 24.9 sebagai berlebihan berat badan, lebih 29.9 sebagai obesiti dan 40 atau lebih sebagai obesiti teruk (berbahaya) (Craddock, 1973). Namun begitu bagi orang-orang Asia, terdapat pengurangan kadar BMI ini, iaitu melebihi 23 dikategorikan sebagai gemuk manakala yang melebihi 25 termasuk dalam kategori obesiti. Berat badan ideal adalah di bawah kiraan 23 (Dlm. Marie Claire, Oktober 2001 : 119).

Masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan wanita ialah apabila berat badan mereka melebihi tahap berat badan ideal. Ini termasuklah sama ada berada dalam kategori gemuk atau obesiti. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan berlakunya masalah berat badan di kalangan wanita. Antaranya dikaitkan dengan proses reproduktif, seperti mengandung, yang menyebabkan berlaku perubahan bentuk badan fizikal

wanita. Selepas bersalin, kebanyakan wanita sukar mendapatkan kembali berat badan seperti sebelum berkahwin.

Hal ini dialami oleh seorang informan iaitu Puan Sakdiah. Beliau telah berkahwin selama 22 tahun dan mempunyai enam orang anak. Sebelum berkahwin beliau tidak mempunyai masalah berat badan. Setelah berkahwin dan mendapat anak pertama, berat badannya meningkat sedikit. Seterusnya setelah mendapat anak kedua, ketiga sehinggalah anak keenam, berat badannya terus bertambah, mencecah 60 kg sekarang dengan ketinggian 4 kaki lebih. Kalau ikutkan hati, menurutnya, beliau mahukan bentuk badan yang kurus seperti pada zaman anak dara dulu. Menurut Puan Sakdiah lagi, suaminya juga menyuruh beliau menguruskan sedikit badan. Kadangkala beliau terpengaruh dengan iklan ubat menguruskan badan, tapi suami tidak membenarkan beliau mengambil ubat-ubat seperti itu ditakuti mendatangkan pelbagai masalah kesihatan yang lain. Puan Sakdiah menyukai bentuk badan yang sederhana, tidak terlalu kurus atau gemuk, tidak terlalu tinggi dan rendah.

Proses biologi wanita yang dikaitkan dengan pelbagai masalah reproduktif memerlukan wanita mengambil langkah-langkah pencegahan tertentu atau mengambil ubat-ubatan tertentu sesuai dengan keperluan mereka, seperti pil atau suntikan hormon. Hal ini boleh membawa implikasi kenaikan berat badan kepada wanita, seperti yang dialami oleh Puan Siti, salah seorang informan dalam kajian ini. Beliau telah berumahtangga

selama 12 tahun dan masih belum dikurniakan anak. Pada awal-awal perkahwinannya, beliau mengambil pil hormon selama dua tahun sebagai usaha mendapatkan anak. Bermula dengan pengambilan pil hormon inilah berat badannya naik secara mendadak sebanyak 12 kilogram. Pada awal perkahwinannya, berat badan beliau ialah antara 57 hingga 58 kg dan sesuai dengan ketinggiannya, 5 kaki 6 inci. Berbanding dengan sekarang berat badan beliau 70 kg. Bahagian yang paling merisaukan Puan Siti ialah perut. Menurut Puan Siti, bentuk badan yang disukainya ialah yang mempunyai bentuk, berisi sedikit dan tidak terlalu kurus. Bentuk badan seperti ini mengikutnya nampak "bergetah" seperti seorang personaliti TV3, Ezzah Aziz Fauzy. Beliau tidak puas hati dengan bentuk badan sekarang dan kalau boleh mahu berat badannya lebih kurang 56 kg. Beliau ada berjumpa doktor dan dinasihatkan supaya selalu bersenam dan kurangkan minuman yang sejuk (minuman yang berais).

Berat badan bukan sekadar melibatkan aspek penampilan semata-mata, tetapi juga mempengaruhi kesihatan diri. Berat badan yang berlebihan boleh menjadi punca kepada pelbagai penyakit, seperti darah tinggi dan kencing manis. Apabila melibatkan aspek kesihatan, langkah menurunkan berat badan dilihat sebagai satu cara penting dalam pengekalan kesihatan diri di samping aktiviti yang lain seperti bersukan dan beriadah, seperti contoh seorang informan, Puan Hamidah. Beliau berusia 43 tahun dan bekerja sebagai kerani di Pejabat Polis Bukit Aman. Beliau telah berkahwin selama 19 tahun dan mempunyai empat orang anak,

berusia antara 6 hingga 18 tahun. Beliau menyukai bentuk badan bersaiz sederhana yang, menurutnya, "sedap-sedap mata memandang." Beliau tidak berpuas hati dengan bentuk badan yang dimilikinya kini. Pelbagai usaha dilakukan bagi mendapatkan berat badan ideal sesuai dengan ketinggian 5 kaki 3 inci, iaitu 65 kg, namun berat badannya sekarang adalah 68 kg. Beliau menghadapi masalah darah tinggi. Doktor menasihatkan beliau supaya menurunkan berat badan, mengawal pemakanan dan melakukan aktiviti riadah. Seminggu sekali, setiap petang Jumaat, beliau beriadah bersama-sama teman sepejabat. Beliau cuba meminimumkan pengambilan makanan yang berkolesterol tinggi dalam menu hariannya. Bagi menurunkan berat badannya, beliau telah mengambil produk "BYoung" daripada *Zhulian Marketing Sdn. Bhd.* Dalam masa tiga bulan, berat badannya berjaya diturunkan sebanyak tiga kilogram dan kesihatan beliau juga bertambah baik seperti tidak lagi sering menghadapi sakit kepala. Puan Hamidah juga sering berpuasa sunat Isnin dan Khamis bagi mengekalkan tahap kesihatannya. Suaminya tidak kisah dengan berat badannya sekarang, tetapi, menurut Puan Hamidah lagi, suaminya tidak menyukai bentuk badan yang terlalu kurus.

Terdapat juga wanita yang berpuas hati dengan berat badan mereka walaupun telah berkahwin dan mempunyai anak. Mereka masih mengekalkan berat badan yang unggul dan tidak mengalami masalah kenaikan berat badan. Bagi wanita seperti ini, berat badan tidak menjadi

agenda utama mereka dalam mencantikkan diri di samping kurang mengalami masalah kesihatan. Contohnya, Puan Norli (seorang informan), berusia 39 tahun dan telah berumahtangga selama 17 tahun. Beliau telah dikurniakan tiga orang anak berusia antara 4 hingga 16 tahun. Beliau tidak pernah risau dengan berat badannya walaupun telah mempunyai tiga orang anak. Berat badannya tetap kekal sama seperti sebelum berkahwin dulu. Berat badannya sekarang 53 kg dengan ketinggian 5 kaki 4 inci. Setakat ini, beliau berpuas hati dengan berat badan sekarang dan kalau boleh mahu mengikut saranan suaminya supaya menambahkan lagi berat badannya menjadi 55 kg. Menurut Puan Norli, beliau menyukai bentuk badan yang "sedang-sedang," tidak terlalu gemuk dan tidak terlalu kurus. Bentuk badan ideal baginya adalah seperti Erra Fazira, seorang bintang filem (lihat Gambar 1 di sebelah), yang menurutnya, "nampak sedang-sedang elok" dan sesuai dengan sebarang fesyen pakaian.

Dalam hal ini wanita yang belum berkahwin biasanya tidak mengalami masalah berat badan. Ini kerana mereka ini tidak mengalami perubahan bentuk fizikal yang dikaitkan dengan proses reproduktif wanita. Selain itu, faktor usia yang muda juga menyebabkan mereka aktif dalam menjalani kehidupan seharian dan dapat mengekalkan berat badan seimbang, seperti yang dialami oleh seorang informan, Cik Maziah. Beliau berumur 22 tahun dan bekerja sebagai Pembantu Perpustakaan (di bawah seliaan KEMAS) di flat polis Brickfields. Dengan ketinggian 145 sm dan



Gambar 1: Erra Fazira

Sumber : [http:// Wannss79.tripod.com/gambar/era2.jpg](http://Wannss79.tripod.com/gambar/era2.jpg)

berat 40 kg, beliau tidak mempunyai masalah dan berpuas hati dengan berat badan sekarang. Beliau menyukai bentuk badan seperti Siti Nurhaliza (lihat Gambar 2 di sebelah) yang, menurutnya, cantik dan sesuai digayakan dengan pelbagai fesyen pakaian. Buat masa sekarang, beliau tidak pernah rusing dengan berat badannya, tetapi agak rendah, kalau boleh, mahu menambahkan ketinggian kepada 150 sm.

Pakaian

Baju

Pakaian merupakan gambaran awal personaliti dan imej diri wanita yang dapat dilihat oleh mata kasar. Bagi masyarakat Melayu, pakaian yang sesuai bagi kaum wanitanya adalah mengikut garis panduan dan tata cara yang dianjurkan oleh Islam. Secara umumnya, prinsip-prinsip Islam mengenai pakaian, khususnya bagi kaum wanita, digariskan seperti berikut :

- a) Pakaian yang menutup aurat
- b) Pakaian yang sesuai dan sopan serta tidak menjolok mata
- c) Pakaian yang tidak jarang dan nipis
- d) Pakaian yang menampakkan ciri-ciri kewanitaan



Gambar 2 : Siti Nurhaliza

Sumber : <http://fmstudio.hypermart.net/cards/siti03.jpg>

- e) Pakaian yang sederhana dan tidak berlebih-lebihan
- f) Pakaian yang tidak menyerupai orang-orang bukan Islam
(yang menampakkan aurat)

(Roziah, 1994 : 27)

Walaupun bagaimanapun, garis panduan yang diberikan ini tidak membataskan pakaian kaum wanitanya kepada fesyen-fesyen tertentu sahaja, seperti jubah, sebaliknya apa sahaja fesyen dibenarkan dengan syarat menepati kehendak di atas.

Pakaian mempunyai pelbagai fungsi yang saling berkaitan, iaitu fungsi gunaan, simbolis dan fungsi estetik. Fungsi gunaan dilihat dalam konteks pemilihan material yang digunakan sebagai perlindungan kepada diri. Selain itu, pakaian juga mempunyai fungsi simbolis yang merupakan gabungan di antara makna, fungsi dan simbol. Dalam konteks ini perlakuan menghias diri tidak sahaja untuk keseronokan peribadi sebaliknya memberikan makna atau lambang-lambang tertentu dalam masyarakat. Sebagai contohnya, pakaian melambangkan kedudukan sosial dalam masyarakat, seperti terdapat pakaian dan warna khas bagi golongan raja-raja. Begitu juga pakaian bagi seorang doctor, sudah tentu berbeza dengan seorang peguam dan seorang kerani (Helman, 1984). Sebagai fungsi estetik pakaian dilengkapi dengan seni hiasan yang menekankan persoalan '*the esthetics of the costume*' (Dlm. Noor Azimah, 2001 : 22).

Ketiga-tiga fungsi ini saling berhubungan dan bergabung menjadi satu pola yang akhirnya membentuk satu identiti atau jati diri sesuatu bangsa mahupun kepada individu.

Pakaian juga menampilkan sifat dan ciri-ciri peribadi seseorang di samping menjaga diri daripada melakukan sesuatu yang tidak sesuai dengan ciri-ciri pakaiannya. Dalam hal ini pakaian juga mempunyai kod etika dan tata cara tertentu. Sebagai contohnya pakaian atau busana tertentu sesuai pada majlis tertentu atau dipakai oleh individu tertentu atau jantina tertentu dan tidak sesuai dipakai pada ketika, tempat dan si pemakai yang lain. Contohnya, Puan Wati (seorang informan), merupakan seorang guru tadika. Beliau menyukai pakaian yang ringkas atau "simple" dan sesuai dengan usianya sekarang. Semasa bekerja beliau lebih selesa memakai baju kurung kerana ia memudahkan pergerakan beliau di samping kemas dan sopan. Beliau tidak menyukai fesyen yang lain seperti kebaya kerana tidak sesuai dengan badannya yang agak gempal. Berbeza pula keadaannya apabila bersantai seperti keluar membeli belah dan bersiar-siar beliau lebih selesa berseluar dan berkemeja T sahaja. Kadangkala semasa melawat saudara mara beliau memakai seluar dan berkemeja (*blouse*). Namun begitu dalam pemilihan pakaian ini beliau selesa berbaju kurung yang menurutnya sesuai dipakai di mana-mana sahaja, sesuai dipakai dalam pelbagai peringkat usia di samping "tidak bermusim." Selain daripada

baju kurung, beliau tidak mempunyai fesyen baju yang lain yang menurutnya "tidak mengizinkan dengan keadaan badannya."

Terdapat pelbagai faktor pemilihan pakaian di kalangan wanita. Antaranya dikaitkan dengan kesesuaian masa dan tempat serta aktiviti yang dilakukan. Fesyen pakaian ke pejabat atau ke tempat kerja berbeza dengan fesyen pakaian ketika berada di rumah, begitu juga apabila menghadiri majlis-majlis tertentu, seperti majlis perkahwinan, serta majlis-majlis formal yang lain.

Dalam arus perkembangan fesyen sekarang, terdapat pelbagai fesyen yang sentiasa berubah sesuai dengan peredaran masa. Misalnya, pada satu ketika dahulu, fesyen kurung digabungkan dengan kebaya menjadikannya "kebarung." Kebarung ini mempunyai potongan seperti kebaya tetapi ditambah pesak menjadikannya longgar seperti baju kurung (lihat Gambar 3 di sebelah). Namun kini fesyen kebarung ini kurang digemari dan semakin ditinggalkan. Dalam masa yang sama, timbul pula fesyen terbaru atau kontemporari yang lain, seperti jubah, mini jubah dan sebagainya, yang menjadikan fesyen itu "bermusim" (lihat Gambar 4 dan 5 di sebelah).



Gambar 3 : Baju Kebarung

Sumber : Ehsan Nurhazwani Mokhtar



Gambar 4 : Fesyen jubah terkini

Sumber: *Wanita*, September 2001
Utusan Melayu (Malaysia)
Bhd.



Gambar 5 : Mini jubah terkini

Sumber : *Wanita*, Ogos 2002
Utusan Melayu (Malaysia)
Bhd.

Dalam contoh Puan Hamidah, sebagai seorang anggota polis, beliau memakai pakaian seragam sewaktu bekerja. Walaupun begitu, jika menghadiri majlis, seperti majlis perkahwinan dan majlis keraian di pejabatnya, beliau memakai baju kurung, kebaya dan kebarung. Antara ketiga-tiga fesyen ini beliau lebih menyukai baju kebarung kerana ia longgar, selesa dan berbeza sedikit daripada baju kurung yang biasa dipakai. Selain itu, beliau juga ada memakai seluar dan 'blouse', terutama sewaktu keluar bersama-sama anak-anak kerana ia ringkas dan memudahkan pergerakan beliau bersama anak-anak. Semasa di rumah biasanya beliau memakai pakaian yang selesa bagi dirinya untuk melakukan aktiviti-aktiviti seharian seperti berkemeja T dan berseluar atau berkain sarung. Puan Hamidah kurang berminat dengan fesyen kontemporari sekarang, iaitu "jubah" dan "mini jubah", yang, menurutnya, nampak seperti "kearab-araban." Beliau hanya mempunyai sehelai jubah, biasanya dipakai apabila menghadiri ceramah agama.

Selain itu, pemilihan fesyen pakaian juga dikaitkan dengan faktor bentuk badan dan usia pemakainya. Bersesuaian dengan salah satu fungsi pakaian sebagai perlindungan kepada diri pemakainya, kadangkala kaum wanita memilih fesyen tertentu untuk melindungi kekurangan pada diri mereka. Misalnya, sesuai dengan potongan baju kurung yang agak besar dan longgar, kebanyakan wanita menggemari fesyen ini kerana dapat melindungi badan mereka yang berisi ataupun mempunyai masalah perut

yang buncit. Baju kurung merupakan pakaian yang labuh hingga ke lutut, potongan badannya longgar kerana rusuknya berpesak dan di bawah lengannya pula diletakkan kekek. Potongan lehernya bulat dan berbelah seperti bentuk "v" di depan. Pada sekeliling tebukan leher itu ditikam pula dengan jahitan yang bernama "tulang belut", iaitu sulaman yang halus dan indah (lihat Gambar 6 di sebelah). Lantaran itu, bagi wanita yang mempunyai masalah seperti ini, mereka akan cuba menghindari daripada memilih fesyen pakaian yang memperlihatkan bentuk badan seperti kebaya (lihat Gambar 7 di sebelah). Contohnya seperti yang dialami oleh Puan Sakdiah, beliau mempunyai berat badan 60 kg lebih dengan ketinggian 4 kaki 3 inci, lebih selesa memilih baju kurung walau ke mana sahaja beliau pergi, majlis perkahwinan, melawat saudara mara, membeli-belah dan sebagainya. Sebelum berkahwin, beliau ada juga memakai kebaya, kurung moden dan berseluar, tetapi sekarang beliau hanya selesa memakai baju kurung. Beliau berminat dengan baju kebaya, tetapi menurutnya, "Dah gemuk-gemuk macam ni nak pakai kebaya macam mana. Nampak buruk benar."



Gambar 6 : Baju kurung

Sumber : *Wanita* , Januari 2002
Utusan Melayu (Malaysia)
Bhd.



Gambar 7 : Baju Kebaya

Sumber : *Wanita*, Januari 2002 :
Utusan Melayu (Malaysia)
Bhd.

Pemilihan fesyen pakaian juga bergantung kepada kecenderungan atau minat individu terhadap fesyen. Terdapat wanita yang selesa dengan penampilan yang sederhana, seperti berseluar (jeans) dan berkemeja T, daripada terlalu mengikuti fesyen terkini. Bagi mereka penampilan seperti ini memudahkan pergerakan dan selesa di samping sudah menjadi kebiasaan yang sukar untuk diubah.

Puan Siti selesa dengan penampilannya berseluar dan berkemeja T sahaja. Penampilannya ini dipengaruhi oleh ibunya yang sentiasa menggalakkan beliau memakai seluar sewaktu kecil lagi dan berpenampilan seperti lelaki kerana dalam keluarganya beliau tidak mempunyai adik beradik lelaki. Sewaktu kecil dan zaman remajanya beliau berasa rimas apabila memakai baju kurung. Sekarang beliau hanya memakai baju kurung apabila menghadiri majlis seperti majlis perkahwinan, keramaian dan ceramah-ceramah agama. Menurut Puan Siti, baju kurung dalam simpanannya tidak banyak. Beliau hanya menempah sepasang dua sahaja pada musim perayaan atau semasa menghadiri majlis keramaian. Bagi Puan Siti beliau selesa dengan cara sekarang dan orang mengenalinya berdasarkan kepada imejnya sekarang.

Dalam pemilihan pakaian corak dan warna memainkan peranan yang penting. Justeru, corak atau motif yang kecil dan berjalur halus amat sesuai bagi wanita yang berbadan besar atau gempal. Selain itu, corak

seperti bebola yang besar dan motif melintang perlu dielakkan kerana boleh membuatkan badan nampak lebih lebar dan besar. Warna yang sesuai ialah pilihan warna-warna yang lembut. Bagi wanita yang mempunyai badan yang langsing dan kecil, corak atau motif yang besar dan warna-warna yang garang sesuai bagi mereka. Pemilihan warna juga dikaitkan kesesuaiannya dengan warna kulit. Kulit cerah sesuai dengan warna-warna yang terang manakala pemilihan warna-warna yang lembut sesuai bagi kulit yang gelap (Dlm Wanita, Mei 1999 : 55-57). Contohnya, menurut Puan Siti, beliau tidak terlalu mengikut perkembangan fesyen semasa. Tapi bagi dirinya beliau memilih corak yang kecil sesuai dengan badannya yang besar. Corak besar tidak sesuai bagi dirinya dan tidak menarik dipandang. Beliau juga tidak menyukai corak-corak abstrak. Kebanyakan bajunya bermotif flora. Warna pilihannya ialah warna-warna yang lembut sesuai dengan kulitnya yang agak gelap.

Begitu juga dengan Puan Hamidah, beliau menggemari corak yang sederhana besar dan menyukai warna-warna yang terang, seperti merah jambu, hijau dan ungu. Warna-warna yang terang ini, menurutnya, nampak ceria dan segar. Puan Hamidah berpendapat pemilihan corak dan warna ini jangan sampai berlebihan, dan sesuai dengan peringkat umur.

Selain itu, aspek yang tidak kurang penting dalam pemilihan pakaian ialah "jenama". Terdapat pelbagai jenama yang menentukan mahal atau murah nya pakaian yang dibeli. Namun begitu, bagi informan yang

ditemui, jenama bukanlah faktor utama pemilihan pakaian mereka. Ini dikaitkan dengan faktor lain, seperti kedudukan sosio-ekonomi, yang tidak mengizinkan mereka memilih pakaian yang "berjenama", seperti contoh-contoh kes berikut.

Puan Hamidah berpendapat, baginya pemilihan pakaian yang berjenama mesti sesuai dengan pendapatan. "Siapa tak nak jenama yang bagus-bagus kan?" Tapi, menurutnya, pendapatan tidak mengizinkan. Apapun asalkan sesuai dan selesa dengan dirinya, walaupun murah beliau tetap puas hati. Biasanya harga sepasang baju kurung beliau dalam anggaran lima puluh ringgit, seluar dan kemeja T tiga puluh ringgit, kadangkala beliau juga membeli kemeja T yang berharga sepuluh ringgit. Bagi Puan Hamidah yang penting beliau "berkenan."

Begitu juga dengan Puan Siti, beliau tidak memilih jenama dalam membeli pakaiannya memandangkan banyak perkara lain yang penting perlu dijelaskan seperti ansuran kereta dan bil-bil bulanan yang lain. Pendapatannya tidak mengizinkan beliau membeli pakaian berjenama yang mahal disebabkan pendapatannya sekarang "cukup-cukup" dengan keperluannya sahaja. Beliau berpuas hati dan selesa dengan pakaiannya sekarang walaupun tanpa jenama.

Sementara bagi Puan Wati, beliau biasanya membeli pakaian seperti baju kurung, seluar, kemeja T dan 'blouse' dalam anggaran antara lima puluh sehingga tujuh puluh ringgit sahaja. Tiada peruntukan bulanan baginya dalam membeli pakaian. Sebaliknya, beliau membeli apabila mempunyai wang lebih daripada perbelanjaan bulanan beliau. Beliau membeli pakaian yang selesa dan sesuai dengan dirinya tanpa memilih jenama. Menurut Puan Wati lagi, beliau tidak mementingkan jenama dalam berpakaian kerana sesuai dengan pendapatannya sekarang. Jika mahu memilih jenama yang baik sudah pasti harganya juga mahal. Sebaliknya pandangan beliau diperuntukkan bagi persekolahan anak, bil-bil bulanan dan ansuran-ansuran lain yang penting. Jadi, pada Puan Wati, berjenama atau tidak bukan menjadi ukuran padanya dalam membeli pakaian.

Tudung / Selendang

Salah satu ciri penting berpakaian bagi wanita Melayu ialah pemakaian tudung. Ini selaras dengan tata cara berpakaian dalam Islam, iaitu menutup aurat yang termasuk di dalamnya menutupi kepala. Ini selaras dengan firman Allah yang bermaksud,

"Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu serta wanita-wanita mukmin ; hendaklah mereka melabuhkan jilbab ke seluruh tubuh mereka. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah dikenal dan kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(Surah Al-Ahzab : 59)

Lantaran itu, bertudung menjadi kewajipan bagi wanita Islam sebagai satu keperluan yang memenuhi tuntutan agama. Justeru, terdapat pelbagai fesyen tudung yang sentiasa bertukar-tukar mengikut peredaran masa dan menjadikannya "bermusim". Terdapat pelbagai fesyen tudung, sama ada dari segi material yang digunakan atau cara pemakaian tudung itu sendiri. Pada masa sekarang, fesyen tudung disesuaikan dengan nama-nama selebriti dan personaliti tertentu media massa sebagai usaha melariskan sesuatu fesyen terbaru. Misalnya, terdapat fesyen Wardina dan Rosalinda, manakala jenis material yang popular adalah "jenis bawal". Selain itu, warna dan aksesori juga memainkan peranan penting dalam mencantikkan dan menyerlahkan penampilan seseorang itu, seperti pendapat Puan Norli, padanya, selain daripada menutup aurat, bertudung juga memperlihatkan keayuan, kesopanan dan kemanisan seseorang wanita. Bertudung juga sesuai dengan imejnya sebagai seorang isteri dan ibu. Jenis tudung yang disukai oleh Puan Nor ialah bawal gred satu kerana ia lembut dan cantik bila dipakai. Pemilihan warna tudungnya juga berdasarkan kepada kesesuaian warna baju yang dipakainya. Biasanya tudung yang dipakai oleh Puan Nor disingkap ke bahu dan beliau tidak

berminat dengan pelbagai fesyen tudung yang ada sekarang. Berkenaan aksesori tudung pula beliau menyukai kerongsang yang sederhana besar dan warna kerongsang ini disesuaikan dengan warna tudung yang dipakai.

Kini terdapat pelbagai fesyen bertudung yang dibezakan dengan cara ikatan. Cara pemakaian yang ringkas dan mudah ialah dilepaskan seperti pemakaian mini telekung atau disingkap ke bahu. Fesyen Wardina pula dipakai dengan membawa tudung di sebelah kanan ke belakang dan dipinkan di tengah. Selain itu, fesyen yang banyak digayakan oleh wanita ialah tudung yang dipinkan sebelah kanan ke bahu kiri ataupun dipinkan kedua-dua belah tudung pada arah bahu yang bertentangan dengan kerongsang yang mempunyai saiz dan bentuk yang sama (lihat Gambar 8 di sebelah).

Tudung daripada jenis kain bawal mempunyai pelbagai gred. Gred ini dibezakan berdasarkan kepada harga, kelembutan kain dan sulaman pada tudung itu. Gred satu mempunyai kualiti kain yang lembut dan nipis, sulamannya tebal dan cantik, berharga di antara RM 30 hingga RM 60. Gred dua pula mempunyai kain yang sederhana kasar dan tebal, sulamannya nipis berbanding dengan gred satu dan berharga di antara RM 15 hingga RM 20. Sementara gred tiga pula mempunyai kualiti kain yang tebal dan berharga di antara RM 8 hingga RM 15. Walaupun terdapat pelbagai fesyen tudung terbaru namun tudung bawal tetap menjadi pilihan



Gambar 8 : Pelbagai fesyen bertudung

Sumber : Yasmin Siddik, 2003
Sopan dan Anggun, KL :
 Utusan Publications & Distributor

dan tidak ketinggalan memandangkan kainnya polos yang sesuai dipakai dengan sebarang fesyen dan corak baju seperti contoh kes ini, Puan Hamidah menyukai tudung jenis bawal. Biasanya beliau memakai tudung bawal gred dua, tetapi ada juga beberapa helai tudung bawal gred satu yang agak mahal untuk dipakai ke majlis-majlis, seperti perkahwinan dan kerzian di pejabatnya. Pemilihan warna tudung beliau disesuaikan dengan warna baju yang dipakai. Beliau suka menggayakan pelbagai fesyen tudung, seperti fesyen Wardina, fesyen tudung yang dipinkan ataupun fesyen biasa yang tudungnya disingkap di bahu. Fesyen-fesyen bertudung ini memberikan kelainan dan "mood" berbeza dalam penampilan beliau. Selain itu Puan Hamidah juga menyukai kerongsang yang dijual satu set. Kerongsang ini dipadankan dengan warna tudung.

Kerongsang adalah aksesori yang mula mendapat tempat di hati wanita kerana cantik dipakai untuk memperkemaskan penampilan berbaju kurung, berkebaya mahupun pemakaian tudung (Yasmin, 2003 : 103). Pada masa sekarang kebanyakan kerongsang dijual dalam bentuk set. Set ini mempunyai dua bentuk kerongsang, satu bersaiz kecil dan satu lagi sederhana besar, yang mempunyai warna dan bentuk yang sama. Kerongsang bersaiz kecil biasanya dipinkan di bawah dagu pemakai, manakala yang sederhana besar disematkan di bahu atau mengikut fesyen

tertentu. Begitu juga dengan contoh Maziah, beliau memakai pelbagai jenis tudung sama ada yang bercorak ataupun polos. Beliau menyukai warna hitam dan putih memandangkan kebanyakan seluar dan kemeja T mempunyai warna yang sama. Selain itu, beliau juga menyukai warna-warna yang terang, seperti merah, hijau dan biru. Warna-warna seperti ini, menurutnya, menampakkan keceriaan dan keremajaan. Beliau sering mengikuti perkembangan fesyen tudung dan sering mencuba fesyen-fesyen terbaru yang dirasakan sesuai dengan dirinya. Dalam pemilihan kerongsang pula, Maziah menyukai kerongsang dalam bentuk set, tetapi beliau tidak terlalu memilih warna memandangkan kebanyakan baju dan tudung beliau berwarna hitam dan putih yang sesuai dengan sebarang warna.

Kasut dan Tas Tangan

Kasut dan tas tangan merupakan salah satu bahagian penting pakaian dalam menonjolkan imej seseorang wanita itu, seperti pendapat Cik Aini yang bekerja sebagai kerani di sebuah syarikat swasta. Menurut beliau, kasut dan tas tangan merupakan satu keperluan kepada wanita dan juga menampilkan imej yang sesuai dengan mereka. Sebagai kerani, gayanya perlu ringkas dan sederhana. Beliau memakai tas tangan sederhana besar bagi memudahkan beliau membawa barang-barang keperluannya memandangkan beliau tidak berkenderaan. Warna pilihannya ialah hitam. Begitu juga dengan kasut, beliau menyukai sandal,

ia selesa dan sesuai baginya. Beliau tidak mempunyai banyak koleksi kasut dan tas tangan, apabila rosak baru digantikan dengan yang baru. Biasanya beliau membeli kasut dan tas tangan yang berharga 50 ringgit ke bawah, sesuai dengan pendapatannya.

Sementara Puan Norli pula berminat dengan kasut dan tas tangan. Beliau sering membeli kasut dan tas tangan, terutama apabila terdapat jualan murah di pusat-pusat membeli belah. Jenama kegemaran beliau ialah *Bonia*, *Sachs* dan *Carlo Rino*. Beliau mempunyai koleksi sandal pelbagai warna dan bentuk, begitu juga dengan tas tangan. Beliau menyukai sandal yang bertumit yang, menurutnya, nampak cantik dan bergaya. Namun bagi tas tangan, beliau menyukai yang berwarna hitam sahaja. Menurut Puan Nor, tas tangan adalah satu keperluan, terutamanya apabila ke pejabat dan majlis-majlis perkahwinan.

Ini berbeza dengan Puan Siti yang berpendapat tas tangan bukan satu keperluan padanya. Sesuai dengan penampilan beliau yang berseluar dan berkemeja T, beliau jarang membawa tas tangan apabila ke mana-mana. Hanya apabila ke majlis-majlis tertentu, seperti majlis makan malam dan kenduri sahaja, beliau membawa tas tangan supaya tidak nampak janggal sangat. Beliau hanya mempunyai dua buah tas tangan sahaja dalam simpanannya dan menyukai yang berwarna hitam. Selain tas tangan, beliau juga menyukai sandal yang berwarna hitam. Sama seperti tas tangan, beliau juga tidak mempunyai koleksi sandal yang banyak. Sebagai



Gambar 9 : Pelbagai fesyen dan jenama kasut

Sumber : Yasmin Siddik 2003

Sopan dan Anggun, KL :

Utusan Publications & Distributor

satu keperluan beliau hanya mempunyai tiga pasang sandal, sepasang yang bertumit dan mahal sedikit harganya manakala dua pasang lagi tidak bertumit dan digunakan seharian.

Perhiasan Diri

Perhiasan diri atau aksesori merupakan satu keperluan kepada wanita. Secara semulajadi, wanita menyukai perhiasan diri seperti barangan kemas dan memakai bahan-bahan kecantikan tertentu seperti bersolek dan sebagainya. Dalam Islam wanita diharuskan memakai perhiasan diri sebagai memenuhi tuntutan semulajadi manusia yang gemar kepada keindahan dan kecantikan sebagaimana sabda Rasullullah s.a.w yang bermaksud ;

Sesungguhnya Allah menghalalkan sutera dan emas bagi wanita di kalangan umatku.

(Dlm. Jawiah, 2000 : 97)

Barang Kemas

Pemakaian barang kemas merupakan satu kelebihan dan keistimewaan yang diberikan kepada kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki.

Jewellery plays a very important role in Malay culture and is a primary mode of gender differentiation in Malay society.

(Roziah, 1994 : 31)

Terdapat pelbagai bentuk barangan kemas yang dipakai oleh wanita dari dahulu hingga sekarang, seperti gelang tangan atau gelang kaki, anting-anting, rantai leher dan juga cincin. Pemakaian barang kemas ini bukan sekadar untuk berhias malah mampu memberikan makna sosial tertentu atau menandakan makna tertentu. Dalam masyarakat Melayu cincin digunakan sebagai pengikat antara lelaki dengan perempuan sebelum mereka berkahwin. Lantaran itu, pelbagai variasi cincin digunakan, seperti cincin tanya, cincin tanda, cincin pertunangan dan cincin perkahwinan.

Selain digunakan sebagai perhiasan yang dipakai hari-hari atau pada hari tertentu, barang kemas juga dijadikan sebagai simpanan yang melambangkan status sosial seseorang wanita atau keluarganya. Dalam masyarakat Melayu mereka yang mempunyai barang kemas yang banyak dikatakan sebagai "orang berada." Ini disebabkan barang kemas boleh ditukar atau digadai bagi mendapatkan wang. Lantaran itu, semakin banyak memiliki barang kemas disamakan dengan semakin banyak menyimpan wang.

Selaras dengan perkembangan zaman, barang kemas dipakai oleh wanita sebagai pelengkap kepada imej mereka sahaja dan bukan sebagai satu keperluan. Kini barang kemas bukan hanya mampu dimiliki oleh golongan berada sahaja sebaliknya mampu dimiliki oleh sesiapa sahaja dengan adanya teknologi terkini dalam penyaduran emas atau pengeluaran emas tiruan. Kini terdapat pelbagai pengeluar barangan saduran seperti *Zhulian, Dynasty, Tiffani*, dan sebagainya yang membekalkan pelbagai bentuk dan corak barang kemas yang mampu dimiliki berdasarkan kemampuan individu. Contohnya, bagi Cik Aini barang kemas melambangkan keistimewaan seseorang wanita di samping menjadi penyeri dan pemanis kepada mereka. Beliau berpendapat tidak semestinya seseorang wanita itu perlu memiliki rantai atau gelang yang besar atau banyak, sebaliknya memadai memiliki "serba satu" seperti rantai, gelang, anting-anting dan cincin. Cik Aini menyukai barang kemas yang sederhana besar sesuai dengan badannya yang besar. Beliau memakai barang kemas bukan bertujuan untuk bermegah atau menunjuk-nunjuk, sebaliknya sebagai pelengkap kepada imej wanita dan supaya kelihatan tidak "kosong." Beliau hanya memiliki satu set barang kemas dan baginya itu sudah memadai.

Bagi Puan Wati pula, beliau berpuas hati dengan apa yang dimilikinya sekarang, iaitu satu set barang kemas, rantai, gelang, subang dan cincin. Baginya barang kemas bukan satu keperluan. Jika ada rezeki lebih barulah beliau membeli yang baru. Puan Hamidah berpendapat

pertelanjaaan lain lebih penting selain daripada memiliki barang kemas. Kalau ke majlis tertentu, seperti majlis perkahwinan, beliau akan memakai sekadar apa yang ada dan tidak berasa janggal walaupun tidak memakai barang kemas. Menurut Puan Hamidah, adik ipar beliau menyifatkan barang kemas sebagai "alat perang" iaitu keperluan yang penting untuk dipakai dalam majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan atau majlis keraian yang lain.

Ini berbeza dengan Puan Hamidah yang melihat barang kemas sebagai keperluan baginya. Beliau meminati barang kemas dan pernah membuat pinjaman bank sebanyak lima ribu ringgit untuk membeli barang kemas yang diminatinya. Dapat memiliki barang kemas merupakan satu kepuasan bagi Puan Hamidah. Minat ini bermula sejak beliau kecil lagi apabila ibunya juga meminati barang kemas dan mempunyai pelbagai koleksi dalam simpanannya. Sejak itu, beliau berhasrat memiliki barang kemas sendiri dan apabila bekerja beliau mula mengumpul wang khas bagi membeli barang kemas selain daripada membuat pinjaman bank. Selain itu, menurut Puan Hamidah, barang kemas ini boleh menjadi pemanis kepada wanita, terutamanya apabila dikenakan dengan baju kurung atau kebaya yang melengkapkan lagi penampilan seseorang wanita. Namun begitu, beliau tidak memakai terlalu sarat atau banyak, sebaliknya untuk menghadiri sesuatu majlis beliau memilih untuk memakai satu set, iaitu seutas rantai, gelang, anting-anting dan cincin. Menurutnya, apabila memakai barang kemas berlebihan nampak janggal dan kurang menarik.



Gambar 10 : Aksesori-Barang Kemas

Sumber : *Wanita*, Mei 2002
Utusan Melayu (Malaysia)
Bhd.

Alat Solek / Make-Up

Alat solek merupakan satu lagi keperluan wanita dalam menonjolkan imej diri, khususnya penampilan fizikal mereka. Alat solek digunakan dalam merapikan wajah, kadangkala digunakan juga bagi menutupi kecacatan yang terdapat pada kulit muka akibat daripada parut jerawat dan sebagainya. Lantaran itu, terdapat pelbagai produk kosmetik di pasaran yang membolehkan wanita membuat pemilihan jenama yang sesuai dengan mereka sama ada daripada aspek harga mahupun keberkesanan sesuatu produk dengan kulit mereka.

Dalam konteks ini terdapat dua situasi dalam pemilihan alat solek atau kosmetik ini. Secara universalnya setiap individu, khususnya wanita, dilahirkan dalam dua keadaan, sama ada mempunyai wajah dan rupa fizikal yang cantik atau sebaliknya. Bagi yang memiliki kecantikan secara semulajadi atau *natural beauty*, mereka ini tidak perlu bersusah payah dalam menampilkan imej yang cantik dan menarik. Sebaliknya mereka yang bukan dalam kategori ini akan mencari alternatif lain dalam menampilkan wajah yang menarik, iaitu dengan penggunaan alat solek atau kosmetik, seperti yang dialami Puan Norli, beliau mempunyai masalah muka berjerawat. Pelbagai produk telah digunakan, tetapi beliau tidak berpuas hati dengan hasilnya dan sekarang beliau menggunakan produk Sendayu Tinggi. Menurut Puan Norli, masalah jerawat di mukanya berpunca daripada

penyakit resdung. Bagi kosmetik ini beliau diberi kapsul resdung dan sabun pencuci muka. Buat masa ini tidak banyak perubahan pada mukanya. Beliau juga "berpantang" atau cuba menghindari makanan tertentu, seperti sotong, udang, belacan, ketam dan makanan-makanan lain yang "menggatakan." Sebulan atau dua bulan sekali Puan Norli mencuci muka atau membuat rawatan (*facial*) di salon *Cleopatra*. Beliau tidak menggunakan sebarang alat solek pada mukanya, dan tidak memakai bedak, gincu bibir dan sebarang alat solek yang lain.

Puan Wati pula mempunyai keperluan yang berbeza dalam penggunaan kosmetik ini. Kulit beliau tidak sesuai dengan sebarang bedak padat atau *compact* kerana mukanya akan menggelupas. Beliau selesa memakai bedak talkum sahaja sama ada di rumah, keluar bekerja atau ke mana-mana. Menurut Puan Wati, beliau tidak pandai bersolek dan hanya memakai gincu bibir sahaja apabila keluar dari rumah, seperti bekerja atau menghadiri majlis tertentu. Gincu bibir penting bagi Puan Wati kerana dapat menyerikan wajah daripada kelesuan atau kelihatan "pucat." Dalam menjaga kebersihan mukanya, beliau menggunakan pencuci muka Safi yang dibeli dalam satu set. Set ini mengandungi pencuci muka, penyegar dan krim malam.

Sementara itu Puan Sakdiah tidak memakai sebarang alat solek memandangkan beliau tidak bekerja. Penggunaan alat solek ini memerlukan belanja yang dirasakan tidak mampu olehnya. Bagi Puan Sakdiah cukup sekadar muka nampak bersih dan tidak mempunyai masalah jerawat. Beliau hanya memakai bedak talkum *Johnson* dan kadangkala apabila ke majlis-majlis perkahwinan beliau ada juga memakai gincu bibir, itu pun setelah didesak oleh anak-anaknya. Beliau mencuci muka menggunakan sabun susu kambing dan setakat ini mukanya tidak mempunyai sebarang masalah seperti jerawat dan sebagainya.

Petua dalam Mengekalkan Kecantikan

Terdapat pelbagai petua dalam mengekalkan kecantikan serta kesihatan terutamanya bagi kaum wanita. Kebanyakan wanita mengamalkan pengambilan jamu yang merupakan ubat-ubatan tradisional yang diperbuat daripada herba dan akar kayu popular di kalangan wanita dalam membantu mereka mengekalkan kecantikan dan kesihatan (Roziah, 1994 : 31). Jamu juga menjadi ubatan yang penting kepada wanita dalam masa berpantang, iaitu selama 44 hari selepas bersalin. Pengamalan pelbagai petua dapat dilihat berdasarkan contoh-contoh kes berikut.

Mengikuti Puan Hamidah, sebagai seorang wanita terutama bagi mereka yang telah berkahwin, kesihatan dan kecantikan diri perlu dijaga. Beliau mengamalkan beberapa petua dalam penjagaan kesihatan ini. Yang paling asas beliau memakan kapsul kacip fatimah daripada keluaran Zhulian secara berterusan. Selain itu, beliau juga minum jus buah mengkudu yang dimesin sendiri sebulan sekali. Jus mengkudu ini bagus terutama dalam penjagaan kesihatan dalaman wanita. Beliau juga memakan ulam-ulaman dan banyak minum air suam selain mengurangkan minuman yang bergula.

Puan Sakdiah memakan jamu dan juga kacip fatimah. Selain bertujuan mengekalkan kecantikan luaran dan dalaman, pengambilan jamu juga dapat mengekalkan kesihatan. Disebabkan beliau berniaga secara kecil-kecilan, pengamalan memakan jamu ini boleh mengurangkan sakit-sakit badan di samping mencergaskan dirinya.

Puan Wati tidak mengambil sebarang jamu atau ubat-ubatan dalam penjagaan kesihatan beliau kerana tidak sesuai dengan dirinya. Pengambilan ubat-ubatan ini akan menyebabkan beliau sakit, seperti demam, sakit kepala dan badan menjadi panas. Beliau hanya berpantang dan mengambil ubat-ubatan sewaktu berpantang selepas bersalin. Selepas itu, beliau tidak lagi mengambil sebarang jamu atau ubatan tradisional.

Beliau hanya mengamalkan meminum segelas air suam selepas bangun pagi yang dikatakan boleh "awet muda."

Pakaian Lengkap

Terdapat beberapa aspek atau ciri utama dalam memperkatakan pakaian lengkap bagi seseorang wanita. Kebanyakan informan berpendapat pakaian lengkap bagi mereka perlu mengambil kira beberapa perkara seperti berikut :

- a) Memenuhi tata cara berpakaian dalam Islam iaitu menutup aurat.
- b) Mematuhi etika berpakaian, seperti memakai pakaian berdasarkan kepada kesesuaian masa dan tempat.
- c) Fesyen pakaian disesuaikan dengan tahap atau peringkat umur.
- d) Memakai aksesori yang sesuai dengan imej wanita.

Lantaran itu, apabila memenuhi ciri-ciri ini seseorang wanita itu dikonsepsikan sebagai berpakaian sempurna sama ada daripada sudut pandangan Islam mahupun nilai budaya Melayu. Dengan berlakunya proses pemodenan dan kemasukan unsur-unsur luaran, khususnya Barat, fesyen pakaian juga turut sama mengalami perubahan dengan kemasukan

pelbagai fesyen luar yang ranggi dan kadangkala melanggar tata susila berpakaian dalam masyarakat Melayu. Walaupun pelbagai fesyen membanjiri pasaran yang akhirnya menjadi pilihan individu namun ia tidak lengkap dan sempurna tanpa memenuhi etika berpakaian dalam masyarakat Melayu, seperti pendapat Puan Wati, beliau berpendapat pakaian lengkap seorang wanita padanya ialah yang sopan dan menutup aurat sesuai dengan kehendak Islam. Padanya beliau menyukai wanita yang berbaju kurung dan bertudung, nampak manis dan sempurna. Jika berpakaian sopan tanpa bertudung bagi Puan Wati masih tidak sempurna dan lengkap sebagai seorang Islam. Selain itu, pakaian yang sopan juga menggambarkan keperibadian masyarakat Melayu yang terkenal dengan sopan santun dan adabnya. Berpakaian sopan juga dapat memelihara diri dan mengelakkan pelbagai gejala yang tidak sihat. Lengkap pada konsepsi Puan Wati juga apabila pemilihan warna baju dan juga tudung yang bersesuaian di samping mengenakan tas tangan dan kasut atau sandal yang bersesuaian dengan masa dan tempat.

Tas tangan dan juga aksesori yang lain, seperti barang kemas, merupakan aksesori tambahan yang menjadi pelengkap dan juga penyeri kepada imej wanita. Lantaran itu, terdapat pelbagai koleksi aksesori ini di pasaran yang dapat dimiliki bersesuaian dengan gaya dan juga imej seseorang wanita itu. Contohnya, bagi Puan Hamidah pakaian yang sempurna dan lengkap bagi wanita ialah yang sopan dan sesuai dengan

peringkat usia. Beliau menyukai baju kurung, kebaya dan juga seluar yang dipakai dengan kemeja (*blouse*) dan dilengkapi lagi dengan tudung. Barang kemas dan tas tangan juga penting bagi mencantikkan wanita.

Aini berpendapat kesempurnaan pakaian bagi seseorang wanita itu bergantung kepada masa dan tempat. Contohnya, gaya yang sempurna bagi seseorang wanita ke tempat kerja mestilah pakaian yang sopan yang mengikut etika berpakaian yang betul dan tidak keterlaluan. Biasanya bagi wanita, baju kurung sesuai dipakai ke pejabat. Di samping itu, bagi melengkapkan lagi penampilan, pemilihan kasut dan tas tangan juga perlu sesuai dengan masa dan tempat. Apabila menghadiri majlis-majlis formal, seperti makan malam, beliau menyukai kebaya bagi menyerlahkan penampilannya. Barang kemas juga menjadi penyeri kepada penampilan wanita, namun mesti dipakai secara sederhana dan tidak terlalu sarat. Beliau berpendapat tudung merupakan salah satu aspek yang melengkapkan penampilan seseorang wanita. Tanpa tudung penampilan individu masih sempurna, tetapi tiada "serinya."

Rumusan

Pembentukan imej fizikal, khususnya penampilan wanita, dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya Islam yang menjadi teras dalam budaya Melayu banyak mempengaruhi proses pemilihan dan

pembentukan imej diri wanita. Namun begitu, sesuai dengan perubahan zaman penampilan wanita juga sedikit sebanyak mengalami perubahan sama ada dalam aspek berpakaian, fesyen yang ditonjolkan mahupun aksesori yang digunakan. Ini memberikan ruang kepada golongan wanita membentuk imej tersendiri berdasarkan kepada pertimbangan masing-masing.

Selain itu, pertimbangan ini pula dipengaruhi oleh faktor-faktor lain, seperti tahap sosio-ekonomi yang dikaitkan dengan tahap pendidikan individu, faktor persekitaran, pergaulan dan juga pelbagai pengaruh yang terdapat di sekeliling wanita itu. Seterusnya aspek-aspek ini akan dibincangkan dalam bab 4 kajian ini.